

Peristiwa.....!

Pada suatu hari saya berada di Melaka. Di sana saya tinggal selama dua hari. Tatkala berjalan di kota Melaka, kota Hang Tuah yang bersejarah itu, saya bertemu dengan seorang sahabat, sahabat lama. Ia terus mengajak saya duduk di pejabatnya dan berbual-bual seketika. Kemudian ia berkata kepada saya: “Bolehkah saudara mengikut saya untuk menonton wayang gambar barang sekejap.”

Saya menolak tawarannya kerana sudah lama saya tidak suka menonton wayang gambar. Tetapi teman saya itu mendesak saya meminta masuk ke dalam panggung wayang gambar untuk melihat suatu gambar filem negara yang meriwayatkan atau menunjukkan gambar-gambar peristiwa dari minggu ke seminggu. Sehabisnya, katanya, bolehlah kita keluar dari tempat itu. Ini perlu sangat untuk saudara melihatnya kerana mungkin ada faedahnya bagi saudara memerhatikan peristiwa-peristiwa yang tersiar dan ditunjukkan atau yang ditonton oleh beratus-ratus ribu manusia tentunya di mana tempat jua sekalipun.

Dengan desakannya yang bersangatan, saya pun mahulah dan masuklah kami berdua ke sebuah panggung wayang gambar dan seketika lamanya maka ditayangkanlah sebuah gambar filem negara. Di situ ditayangkan suatu gambar tentunya berbagai-bagai gambar peristiwa yang terjadi di Malaysia pada masa

seminggu itu. Di antara gambar-gambar yang ditunjukkan itu kelihatanlah suatu gambar istiadat membuka sebuah kuil atau tempat peribadatan orang-orang Hindu di Alor Setar. Di situ kelihatan ketua negara Malaysia yang terkemuka dan pegawai kerajaan negeri yang beragama Islam yang tentunya datang ke sana sebagai ketua negara dan ketua pemerintah untuk meraikan pembukaan sebuah kuil Hindu. Ini ialah kebiasaan yang terjadi dan dilakukan oleh seseorang ketua negara sekalipun bukan istiadat itu mengenai dengan istiadat agamanya. Tetapi di dalam istiadat itu kelihatan pula apabila seorang pemimpin yang beragama Islam meletakkan dua tangannya di dadanya berlapis dua nampaknya menghadapkan dirinya kepada patung-patung berhala di situ dan kemudian sami di situ mengambilkan di dalam suatu tempat yang berupa mangkuk seakan-akan mangkuk bentuknya, lalu mencecahkan jarinya ke dalam mangkuk itu dan meletakkan barang yang di cecah itu betul-betul ke dahi pemimpin itu di antara dua kening. Kemudian beliau beredar dari situ dengan tersenyum dan juga begitulah terjadinya kepada pegawai-pegawai utama yang lain.

Sehabisnya filem itu, kami pun keluarlah berdua. Saya tidak berkata apa-apa hanya teman saya bertanya kepada saya: Bagaimana fikiran saudara, katanya. Saya berdiam. Ia mendesak lagi kepada saya untuk memberi

fikiran. Saya hanya berkata, saudara, kalau memberi fikiran hanya berupa timbul fikiran dan fikiran itu timbulnya seperti air jatuh ke atas daun keladi maka tidak ada faedahnya, buatlah apa yang difikirkan patut dan suka dan tentunya kalau kita bercakap, kita akan dipandang mengacau kebebasan orang sekalipun kebebasan-kebebasan itu mungkin dipandang bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Demikianlah kisahnya yang dapat dibentangkan – Putera Selangor.

* * *

Al kisah terjadi pula suatu peristiwa yang baru di dalam riwayat yang mengenai pertadbiran nikah kahwin di Singapura. Lama nian perkara ini tidak sampai ke telinga saya. Baru-baru ini dua orang telah datang kepada saya di Singapura lalu menceritakan halnya bahawa ia telah pergi ke pejabat qadi akan berkahwin dengan seorang perempuan lagi. Isterinya yang tua, dengan suratnya dan dirinya dikatakan telah pergi mengadap qadi di Singapura meredakan suaminya berkahwin dan bakal isteri muda dan isteri tua itu akan bekerjasama-sama berdua dan suaminya juga ada pekerjaan yang bolehlah dikatakan lumayan. Segala keterangan-keterangan dan maksud-maksud qadi yang dikehendaknya telah pun disempurnakan yakni dicukupkan. Surat-menyurat daripada wali sudah ada dan perkara-perkara yang


serba rupa pun sudah ada.

Tetapi ya memang ada tetapinya. Apabila diminta menikahkan, qadi di Singapura enggan menikahkan kononnya kerana perempuan itu adalah perempuan yang tinggal di daerah Selangor. Hendaklah kahwin di sana sedang bakal suami bekerja dan payah mendapat cuti. Ia cuba meminta surat daripada qadi Singapura hendak kahwin di Johor dan telah pergi ke Johor tetapi qadi di Johor tidak dapat menikahkan sebab perempuan itu bukan perempuan daripada wilayahnya. Jadi yang demikian ia menceritakan keadaannya terkapar-kapar dan ia bertanya

kepada dirinya sendiri, saya hendak kahwin bernikah – bukan hendak berzina. Cara yang lurus dan diluluskan oleh agama mengapa maka begini sulit disulit-sulitkan tetapi orang-orang yang berzina, pelacur sama ada pelacur terang atau pelacur terhormat atau sebagainya yang berkhalwat yang tidak kurangnya di Singapura ini tidak ada tegahan dan tidak ada larangan. Mengapa orang yang hendakkan beristeri dengan halal mesti ditahan dan disulitkan padahal, sepanjang yang saya tahu, agama Islam tidak menyulitkan yang demikian dan menyekat sama sekali daripada melakukan perzinaan kerana perzinaan

itu sangat mudarat dan hukumannya sangat berat.

Saya hanya berkata, kata saya kepadanya, terpulanglah kepada kekuasaan masing-masing kerana masing-masing itu nanti akan ditanya oleh Allah tanggungjawabnya dan kalau dia terlampau “pandai sangat” di dalam melaksanakan tadbirnya untuk tujuan sesuatu yang bertentangan dengan agama terpulanglah baginya untuk menerima hukuman-hukuman yang pada masa ini tidak nampak tetapi nanti ... ya sekali lagi nanti kita akan melihat apa yang akan terjadi kepada mereka dan bagaimana tanggungjawabnya kepada mereka itu.



Penuntut-penuntut Melayu di Kaherah sedang sembahyang berjemaah sesudah mengadakan tunjuk perasaan menentang Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan di Malaysia Barat.